

UEM Edgenta Tersenarai di Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia dan Empat Indeks Bertema

- Penyenaraian ini berikutan Kajian Separuh Tahunan Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia terbaharu pada bulan Jun, bergabung dengan konstituen lain dengan lebih 15% saham apungan bebas dan kecairan saham apungan bebas melebihi 0.05% bagi 10 bulan dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

KUALA LUMPUR, 20 Jun - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, akan disenaraikan dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia berikutan Kajian Separuh Tahunan Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia baru-baru ini, berkuat kuasa 21 Jun 2021.

Dengan penyenaraian ini, Syarikat juga akan turut tersenarai dalam empat indeks bertema iaitu Indeks Syariah Modal MidS FTSE Bursa Malaysia, Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia, Indeks Bermodal Kecil FTSE Bursa Malaysia dan Indeks Modal MidS FTSE Bursa Malaysia.

Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta mengulas, "Kami amat teruja dengan dorongan dan minat yang besar daripada para pelabur kami yang turut mencerminkan kehadiran **Syarikat** dalam pasaran serta cadangan strategi pelaburan yang semakin berkembang dalam usaha untuk memacu pulangan jangka panjang yang mampan kepada pihak berkepentingan kami."

Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia terdiri daripada konstituen Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia dan Indeks Bermodal Kecil FTSE Bursa Malaysia. Penyenaraian Syarikat dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia adalah berdasarkan keupayaan Syarikat memenuhi syarat keperluan indeks dengan mempunyai lebih 15% saham apungan bebas dan kecairan saham apungan bebas melebihi 0.05% selama sekurang-kurangnya 10 bulan daripada 12 bulan yang lalu.

Penyenaraian UEM Edgenta dalam indeks ini membawa Syarikat selangkah lebih dekat untuk mencapai matlamat bagi tersenarai dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia, di mana kriteria pemilihan akan tertumpu terutamanya kepada aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG"). Konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia akan dikaji semula pada Disember 2021.

"Dengan berpandukan visi *Edgenta of the Future 2025*, kami menjadikan ianya keutamaan untuk kami memainkan peranan yang lebih positif dalam memacu agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Usaha berterusan kami dalam bidang ini akan memastikan nilai kelestarian dapat dipupuk merentasi seluruh perniagaan kami dan memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat," kata Syahrizam.

Selaras dengan matlamat untuk mengoptimumkan aset bagi meningkatkan taraf kehidupan di samping mewujudkan faedah jangka panjang kepada masyarakat, alam sekitar, pasaran dan tempat kerja, penyenaian indeks ini mencerminkan kepimpinan Syarikat dalam melaksanakan tanggungjawab korporat dan memperkasakan komitmennya untuk terus meningkatkan pendedahan bukan kewangan secara sukarela dan ketelusan berkaitan aspek ESG bagi menyokong keputusan pelaburan.

Antara inisiatif berkaitan ESG Syarikat termasuk memperkenalkan Kontrak Prestasi Tenaga (“EPC”) untuk pelaksanaan sistem cekap tenaga di premis pelanggan bagi mengurangkan jejak karbon, serta pemasangan sistem fotovoltaiik solar yang membantu mengurangkan penggunaan elektrik pada grid dan menyumbang kepada pelepasan karbon yang lebih rendah. Selain itu, Program Kelestarian yang turut ditawarkan kepada hospital di bawah konsesi UEM Edgenta, di mana dapat membantu sesebuah hospital menjimatkan tenaga sekitar 74,381 kWh setiap bulan, yang bersamaan dengan 55 tan pelepasan karbon.

Inisiatif ESG lain yang telah dilaksanakan oleh Syarikat termasuk program percubaan selama setahun untuk mengaplikasikan penyelesaian turapan mesra alam dengan menggunakan 100% turapan kitar semula di Taiping, Perak, yang dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama Majlis Perbandaran Taiping. Hasil daripada percubaan tersebut akan diaplikasikan di kebanyakan projek lebuhraya di seluruh negara untuk mencapai lebih penjimatan ke atas penggunaan sumber asli dengan menggunakan sumber tempatan turapan asphalt.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.